

31 JUL 1996

MULTIMEDIA ASIA '96 AKAN TARIK 20,000 PELAWAT DAN 3,000 PEMBELI

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Multimedia Asia '96, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, dijangka menarik 20,000 pelawat tempatan dan luar negeri dan 3,000 bakal pembeli.

Ketua Pengarah Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadeen berkata 150 peserta pameran tempatan dan antarabangsa akan mengambil bahagian di dalam pameran di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Pameran empat hari itu akan menjadi landasan untuk menggalakkan Malaysia sebagai pusat teknologi maklumat berkelas dunia, katanya pada prebiu media di sini hari ini.

Katanya persidangan tiga hari yang akan diadakan serentak dengan pameran itu akan memberikan satu forum untuk pertukaran maklumat mengenai Super Koridor Multimedia (MSC) dan isu-isu perniagaan dan teknologi penting di samping mengadakan peluang-peluang perangkaian.

Beliau menyifatkan persidangan dan pameran itu sebagai "permulaan lonjakan" bagi industri multimedia negara dan bermatlamat untuk memberitahu penduduk tempatan mengenai inisiatif kerajaan untuk memperkenalkan multimedia dan perancangan dasar dan juga merangkumkan penyertaan asing di dalam MSC Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mempengerusikan satu perbincangan panel mengenai "Faktor Kejayaan Penting bagi MSC." Persidangan itu akan dipancarkan secara langsung di dalam Internet selama tiga hari mulai 1 Ogos.

Sempena dengan acara itu, Persatuan Multimedia Interaktif Malaysia akan melancarkan sebuah CD-ROM (Ingatan Baca Sahaja Cakera Padat) bertajuk "Multimedia Malaysia yang Terbaik" yang julung-julung kali menonjolkan pelbagai keratan kerja multimedia buatan Malaysia dan mempamerkan standard dan kreativiti yang tinggi yang ada di negara ini.

Selaian daripada itu, peserta pameran terbesar IBM di dalam acara itu, akan mempamerkan Cybercity, wawasan masa depan IBM mengenai bagaimana multimedia akan menjadi paradigma baru yang akan menentukan cara untuk menjalankan perniagaan, komunikasi dan cara bekerja dan menjalani kehidupan harian.

Di Cybercity, IBM menyediakan pelbagai jenis solusi berkaitan multimedia iaitu perbankan runcitan, peruncitan, hotel dan pengembaraan, pembrokeran saham, penerbitan elektronik, dan solusi industri silang termasuk Sistem Maklumat Geografik (GIS), Pendaftaran Elektronik dan Sistem Pemprosesan Borang Pintar (IFPS).

Sementara itu, Xtremedia, yang baru-baru ini dilancarkan oleh pemaaju multimedia dan kandungan Internet, BRG Interactive Digital Media Sdn Bhd (IDM), satu solusi yang ditawarkan oleh IDM yang menggabungkan penghantaran maklumat multimedia dengan Internet, akan dipaparkan pada pameran itu.

Aktiviti-aktiviti IDM termasuk menerokai potensi penuh multimedia untuk mencipta pelancaran produk yang sedia ada, warung maklumat, katalog produk elektronik, penerbitan CD-ROM, kit akhbar interaktif, perkhidmatan kandungan berkomputer terus dan program Latihan berasaskan Komputer. --

BERNAMA

YY OS/sia